

Manuscript Submitted	17.2.2025
Accepted	23.5.2025
Published	1.6.2025

## **Penggunaan Aplikasi Mai-Solat dalam Meningkatkan Pencapaian Pelajar dalam Tugas Tunjuk Cara: Satu Kajian Kes di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah**

### ***The Use of the Mai-Solat Application in Enhancing Student Achievement in Role Play Tasks: A Case Study at Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah***

**Raihan binti Ahmad**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Universiti Islam Selangor  
[21mt07002@postgrad.uis.edu.my](mailto:21mt07002@postgrad.uis.edu.my)

**Izzat Amin bin Mohd Nasir**

Jabatan Pengajian Am  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
[izzat86@ptsb.edu.my](mailto:izzat86@ptsb.edu.my)

**Muhammad Amin bin Hasan**

Jabatan Pengajian Am  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
[amin@ptsb.edu.my](mailto:amin@ptsb.edu.my)

**Wan Nur Hasnah binti Wan Yunus**

Jabatan Pengajian Am  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
[nor\\_hasnah@ptsb.edu.my](mailto:nor_hasnah@ptsb.edu.my)

#### ***Abstrak***

*Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan aplikasi mudah alih Mai-Solat dalam meningkatkan pencapaian pelajar terhadap Hasil Pembelajaran Kursus IA (CLO1A), menilai tahap penerimaan dan kepuasan pengguna, serta menganalisis implikasinya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini memberi tumpuan kepada kursus MPU23012 Pengajian Islam di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dalam pelaksanaan tugas Tunjuk Cara (Role Play). Isu utama yang dikenalpasti ialah kebergantungan pelajar kepada sumber tidak sah yang membawa kepada kekeliruan dalam pelaksanaan ibadah solat khusus. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran dengan pengumpulan data melalui soal selidik skala Likert lima mata dan analisis dokumen Continuous Quality Improvement (CQI) bagi dua sesi akademik. Hasil kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam purata pencapaian CLO1A daripada 76% kepada 88.3% selepas penggunaan aplikasi manakala skor min kepuasan pengguna adalah setinggi 4.35. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi digital berasaskan kandungan sah dapat menyokong pembelajaran sendiri, memperkukuh pencapaian pelajar, dan menyokong pelaksanaan dasar pendidikan digital di institusi*

*pengajian tinggi teknikal (TVET). Kajian mencadangkan supaya aplikasi Mai-Solat diperluas penggunaannya ke institusi lain sebagai model PdP Islamik digital yang berkesan.*

**Kata kunci:** *aplikasi mudah alih, pendidikan Islam, tunjuk cara, PdP digital, kepuasan pengguna*

### **Abstract**

*This study aims to evaluate the effectiveness of the Mai-Solat mobile application in improving student achievement in Course Learning Outcome 1A (CLO1A), assess the level of user acceptance and satisfaction, and analyze its implications for the teaching and learning process. This study focuses on the MPU23012 Islamic Studies course at Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah in the implementation of the Role Play task. The main issue identified is the students' dependence on non-authentic sources which leads to confusion in the implementation of specific prayer rituals. This study uses a mixed methods approach with data collection through a five-point Likert scale questionnaire and Continuous Quality Improvement (CQI) document analysis for two academic sessions. The results of the study show a significant increase in the average CLO1A achievement from 76% to 88.3% after using the application while the mean user satisfaction score is as high as 4.35. The implications of this study show that the use of digital applications based on authentic content can support self-learning, strengthen student achievement, and support the implementation of digital education policies in technical higher education institutions (TVET). The study recommends that the Mai-Solat application be expanded to other institutions as an effective digital Islamic PdP model.*

**Keywords:** *mobile application, Islamic education, role play, digital learning, user satisfaction.*

## **1. Pendahuluan**

Perkembangan pesat dalam era digital telah mengukuhkan keperluan untuk mengintegrasikan teknologi dalam sistem pendidikan. Integrasi ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran agar selaras dengan keperluan semasa dan perkembangan teknologi maklumat. Dalam konteks pendidikan Islam, penyediaan akses kepada sumber rujukan yang sahih, tersusun, dan mudah dicapai oleh pelajar adalah sangat penting bagi memastikan pemahaman yang tepat serta pelaksanaan amalan ibadah yang betul.

Kajian ini memfokuskan kepada pembangunan dan impak aplikasi mudah alih “*Mai-Solat*” yang dibangunkan oleh sekumpulan pensyarah sebagai alat sokongan pembelajaran untuk pelajar dalam menyiapkan tugas “*Tunjuk Cara*” (*Role Play*) bagi kursus MPU23012 Pengajian Islam di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). Salah satu komponen penilaian utama dalam kursus ini ialah tugas *Tunjuk Cara* di mana pelajar dikehendaki mendemonstrasikan pelaksanaan solat khusus secara berkumpulan di hadapan pensyarah. Tugas ini menilai keupayaan pelajar mengaplikasikan teori yang telah dipelajari secara praktikal. Mereka diberikan tempoh tertentu untuk membuat rujukan sebelum melaksanakan demonstrasi tersebut.

Namun begitu, pelajar sering merujuk kepada sumber dalam talian yang tidak sahih dan tidak selaras dengan mazhab Syafie serta Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diiktiraf di Malaysia. Kebergantungan kepada rujukan yang tidak tepat ini telah menyumbang kepada penurunan dalam pencapaian *Course Learning Outcome 1A (CLO1A)* iaitu “melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan seharian”. Situasi ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pensyarah kerana ia melibatkan pelaksanaan ibadah asas dalam Islam. Pencapaian rendah bagi CLO1A bukan hanya berlaku pada satu sesi pengajian tetapi turut direkodkan secara konsisten dalam sesi-sesi sebelumnya.

Kaedah pengajaran konvensional seperti *chalk and talk* didapati kurang berkesan untuk penyampaian kandungan praktikal seperti solat. Tambahan pula, sikap pelajar yang kurang gemar mencatat nota menyebabkan pendekatan ini tidak sesuai untuk pembelajaran sendiri. Walaupun pelajar cenderung menggunakan internet sebagai sumber rujukan utama, tetapi tanpa bimbingan yang betul telah


menyebabkan mereka terdedah kepada pelbagai maklumat yang tidak disahkan, seterusnya menjejaskan pemahaman dan pencapaian mereka.

Sebagai respon terhadap cabaran ini, sekumpulan pensyarah telah menubuhkan kumpulan inovasi yang dikenali sebagai kumpulan HIRAS (akronim daripada nama ahli kumpulan) dan membangunkan aplikasi *Mai-Solat* sebagai alat bantu pembelajaran. Aplikasi ini menyediakan panduan berkaitan solat khusus yang sah, ringkas, dan mudah diakses. Kandungannya telah disemak dan disahkan oleh Jabatan Mufti dan Jabatan Agama Islam negeri serta direka bentuk selari dengan kecenderungan pelajar terhadap pembelajaran digital. Pembangunan aplikasi *Mai-Solat* bertujuan untuk meningkatkan motivasi belajar, kefahaman, dan prestasi pelajar dalam pelaksanaan tugas Tunjuk Cara solat khusus.

Selain menyokong pencapaian CLO1A, aplikasi ini turut memudahkan pensyarah dalam memastikan keseragaman sumber rujukan yang digunakan pelajar dan memudahkan proses penilaian. Inisiatif ini juga selaras dengan misi dan visi PTSB serta Pelan Strategik PTSB 2021–2025 yang menekankan integrasi teknologi sebagai pemangkin kepada peningkatan kualiti pendidikan.

Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti impak aplikasi *Mai-Solat* dalam meningkatkan pencapaian CLO1A dalam kalangan pelajar, menilai keberkesanan aplikasi ini dalam memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran bagi pensyarah dan pelajar dan menganalisis tahap penerimaan dan kepuasan pengguna terhadap aplikasi ini.

Rajah 1: Antara muka kandungan Aplikasi *Mai-Solat*



## 2.0 Sorotan kajian

Integrasi teknologi dalam pendidikan Islam bukanlah satu konsep baharu. Kajian yang dilakukan oleh Al-Khalifa dan Al-Ghamdi (2019) menunjukkan bahawa aplikasi mudah alih yang menyediakan panduan ibadah mampu meningkatkan kefahaman dan amalan keagamaan pelajar dengan akses kepada kandungan sah dan tersusun.

Haidir, Arizki, dan Fariz (2021) pula menekankan kepentingan inovasi dalam pendidikan agama Islam dalam konteks Revolusi Industri 4.0. Mereka mendapati bahawa aplikasi digital di sekolah rendah mampu meningkatkan kualiti pembelajaran melalui penyediaan bahan sah dan interaktif. Pandangan ini disokong oleh Taufik (2020) yang mengaitkan penggunaan teknologi digital dengan pembentukan pendidikan karakter pelajar secara lebih berkesan.

Kajian oleh Aziz et al. (2020) menunjukkan bahawa penyampaian melalui platform digital interaktif meningkatkan kecenderungan pelajar untuk mengamalkan apa yang dipelajari. Hashim (2021) pula menegaskan bahawa aplikasi pendidikan berteraskan agama dapat mengatasi kekeliruan pelajar dalam

mengenal pasti rujukan sahih. Dalam konteks pandemik Covid-19, Sartika et al. (2020) menunjukkan keberkesanan pendidikan secara dalam talian. Dapatan ini memperkukuh keperluan inovasi digital dalam kesinambungan pembelajaran.

Walaupun bagaimanapun, Noor dan Fadzil (2018) turut menekankan kepentingan penapisan sumber dalam pendidikan Islam. Mereka menyarankan agar pendidik menggunakan teknologi bagi memastikan hanya rujukan sahih disampaikan. Hoerudin dan Syafruddin (2023) menambah bahawa pendekatan e-pembelajaran memerlukan inovasi berterusan agar pendidikan Islam kekal relevan dengan perubahan zaman. Kesimpulannya, kajian-kajian lepas mengesahkan keperluan dan justifikasi pembangunan aplikasi seperti Mai-Solat dalam konteks pendidikan Islam semasa.

### 3.0 Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran yang menggabungkan elemen kualitatif dan kuantitatif bagi memperoleh data yang menyeluruh berkaitan impak penggunaan aplikasi Mai-Solat terhadap pencapaian pelajar dan pengalaman pengguna. Pendekatan *Design Thinking* (DT) telah digunakan dalam proses pembangunan dan pengujian prototaip aplikasi tersebut selaras dengan prinsip reka bentuk berpusatkan pengguna (*user-centered design*) dalam inovasi pendidikan.

Pengumpulan data dijalankan melalui dua kaedah utama iaitu melalui instrumen soal selidik dan analisis dokumen. Soal selidik diedarkan kepada pelajar yang telah menggunakan aplikasi Mai-Solat, manakala analisis dokumen tertumpu kepada laporan *Continuous Quality Improvement* (CQI) bagi Sesi 1 dan Sesi 2 Tahun Akademik 2022/2023 bagi tujuan perbandingan pencapaian pelajar sebelum dan selepas intervensi dilaksanakan. Perbandingan pencapaian dibuat dengan menggunakan formula peratus kenaikan relatif untuk menilai tahap perubahan prestasi.

Responden bagi soal selidik terdiri daripada pelajar semester 2 bagi Program Diploma Akauntansi (DAT), Diploma Pengajian Perniagaan (DPM), dan Diploma Pemasaran (DPR) untuk Sesi 2 Tahun Akademik 2022/2023 yang telah menggunakan aplikasi Mai-Solat dalam menyiapkan tugas kursus Pengajian Islam. Instrumen soal selidik mengandungi 18 item menggunakan skala Likert lima mata yang bertujuan untuk mengukur tahap penerimaan dan kepuasan pengguna terhadap aplikasi tersebut dari aspek reka bentuk, kandungan, kefungsiannya, dan keberkesanan dalam menyokong pembelajaran sendiri.


### 4.0 Dapatan kajian

Setelah analisis dilakukan, dapatan menunjukkan bahawa aplikasi ini memberikan impak yang signifikan dan positif dalam semua aspek yang dikaji.

#### 4.1 Pencapaian Pelajar dalam CLO1A

Laporan *Continuous Quality Improvement* (CQI) menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam prestasi pelajar selepas penggunaan aplikasi Mai Solat. Sebelum intervensi, purata pencapaian pelajar dalam CLO1A pada Sesi 1: 2022/2023 bagi ketiga-tiga program ialah 76%. Selepas aplikasi *Mai-Solat* diperkenalkan pada Sesi 2: 2022/2023, skor purata meningkat kepada 88.3% iaitu 16.2% lebih tinggi pada sesi sebelumnya. Peningkatan ini menunjukkan bahawa aplikasi *Mai-Solat* berkesan dalam memperkukuh pemahaman dan pelaksanaan tugas Tunjuk Cara iaitu mendemonstrasikan cara pelaksanaan solat khusus sejajar dengan objektif pembangunan aplikasi tersebut iaitu untuk meningkatkan pencapaian CLO1A. Lonjakan sebanyak 16% ini menggambarkan keberkesanan aplikasi tersebut dalam membantu pelajar memahami dan melaksanakan tugas secara lebih yakin dan tepat.

Graf 1: Perbandingan pencapaian pelajar pada sesi 1 2022/2023 dengan sesi 2 2022/2023



#### 4.2 Keberkesanan Aplikasi Mai Solat Sebagai Alat Bantu Pengajaran dan Pembelajaran

Aplikasi Mai-Solat telah membuktikan keberkesannya sebagai alat bantu dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), khususnya dalam memperkukuh capaian pelajar terhadap maklumat yang sahih, sistematik, dan mudah diakses pada bila-bila masa. Sebelum ini, pelajar sering bergantung kepada laman sesawang yang tidak ditapis, yang membawa kepada kekeliruan dan kesilapan dalam pelaksanaan ibadah solat. Dengan penggunaan aplikasi Mai-Solat yang terjamin kesahihan dan ketepatan maklumat membolehkan pelajar membuat rujukan yang seragam dan berautoriti serta memudahkan proses pemantauan dan penilaian oleh pensyarah.


Selain menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik pelajar, aplikasi Mai-Solat juga berjaya meningkatkan kualiti PdP secara keseluruhan. Penyampaian kandungan yang berstruktur dan sahih bukan sahaja memperkukuh kefahaman pelajar malah mengurangkan risiko penyebaran maklumat tidak tepat yang sebelum ini menjadi antara punca kelemahan pelajar dalam menyelesaikan tugas Tunjuk Cara pelaksanaan solat khusus dengan tepat.

#### 4.3 Penerimaan dan Kepuasan Pengguna

Hasil dapatan daripada soal selidik menunjukkan bahawa tahap penerimaan dan kepuasan pengguna terhadap aplikasi Mai-Solat adalah sangat tinggi. Skor min keseluruhan bagi item-item yang dikaji mencatatkan nilai 4.35. Dapatan ini menunjukkan kecenderungan positif dalam kalangan responden terhadap aplikasi ini. Responden memberikan maklum balas yang menggalakkan terhadap pelbagai aspek aplikasi iaitu kemudahan capaian kepada bahan rujukan yang sahih, reka bentuk antara muka yang mesra pengguna, dan kefungsi yang menyokong pembelajaran sendiri secara berkesan.

Selain itu, aplikasi ini turut dianggap menjimatkan masa dan kos kerana pelajar tidak lagi perlu membeli buku rujukan fizikal atau melayari pelbagai sumber dalam talian untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Semua maklumat yang diperlukan disediakan secara tersusun dalam satu platform digital yang lengkap dan mudah diakses. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa Mai-Solat bukan sahaja diterima baik oleh pengguna malah berpotensi untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pembelajaran pelajar melalui pendekatan digital yang inklusif, praktikal, dan berorientasikan pengguna.

Rajah 2: Tahap kepuasan dan penerimaan pengguna Aplikasi Mai-Solat



## 5.0 Perbincangan

Dapatan kajian ini memperkukuh dapatan terdahulu bahawa aplikasi mudah alih yang dibangunkan secara sistematik dan berlandaskan sumber sahih mampu meningkatkan kefahaman serta pencapaian pelajar dalam pendidikan Islam. Peningkatan ketara sebanyak 16.2% dalam pencapaian CLO1A selepas penggunaan aplikasi Mai-Solat menunjukkan bahawa pendekatan digital dapat menutup jurang antara teori dan amalan ibadah yang sering menjadi cabaran dalam pengajaran konvensional.

Penekanan terhadap sumber sahih melalui kandungan yang disahkan oleh Jabatan Mufti dan Jabatan Agama Islam negeri memberi impak besar dalam mengurangkan kebergantungan pelajar kepada laman sesawang tidak berautoriti. Ini selaras dengan cadangan Noor dan Fadzil (2018) yang menekankan keperluan penapisan sumber dalam pendidikan Islam agar penyampaian ilmu tidak terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar.

Seterusnya, reka bentuk mesra pengguna serta fungsi capaian mudah sepanjang masa membolehkan pelajar mengakses maklumat pada bila-bila masa, menyokong pembelajaran sendiri secara lebih efektif. Dapatan ini disokong oleh kajian Al-Khalifa dan Al-Ghamdi (2019) yang menunjukkan bahawa aplikasi interaktif berasaskan telefon pintar membantu meningkatkan amalan keagamaan dalam kalangan pelajar.

Tahap kepuasan yang tinggi terhadap penggunaan aplikasi Mai-Solat dengan skor min 4.35 menunjukkan kesediaan pelajar menerima teknologi sebagai sebahagian daripada PdP mereka. Hal ini turut disokong oleh Hashim (2021) dan Hoerudin & Syafruddin (2023) yang menyarankan integrasi e-pembelajaran dalam pendidikan Islam sebagai langkah ke hadapan.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini membuktikan bahawa gabungan inovasi teknologi, reka bentuk berasaskan pengguna, serta kesahihan kandungan merupakan faktor utama yang menjadikan Mai-Solat sebagai alat PdP digital yang efektif dan relevan dengan keperluan pelajar masa kini.

## 6.0 Implikasi Kajian

1. Implikasi terhadap PdP: Kajian ini membuktikan bahawa teknologi digital yang disokong oleh kandungan sahih boleh meningkatkan keberkesanan PdP dalam kursus yang berunsurkan praktikal ibadah. Institusi pendidikan dapat mempertimbangkan aplikasi seumpama *Mai-Solat* untuk diintegrasikan dalam subjek agama lain.

2. Implikasi terhadap dasar institusi: Penemuan ini menyokong pelaksanaan Pelan Strategik PTSB 2021–2025 dan Dasar Pendidikan Digital dalam memperkasakan inovasi pengajaran dan memperluas penggunaan teknologi dalam PdP di institusi TVET.
3. Implikasi terhadap pembangunan aplikasi Islamik: Aplikasi *Mai-Solat* boleh dijadikan model rujukan untuk membangunkan platform digital lain yang menekankan amalan ibadah sahah dalam pendidikan peringkat menengah dan komuniti.

## 7. Kesimpulan dan Cadangan

### 7.1 Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa aplikasi *Mai-Solat* memberikan impak yang positif dan signifikan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam memenuhi kehendak CLO1A bagi kursus MPU23012 Pengajian Islam. Penggunaan aplikasi ini bukan sahaja berjaya meningkatkan purata pencapaian pelajar secara keseluruhan malah turut memudahkan para pensyarah dalam menilai pelajar berdasarkan sumber yang seragam dan sahah.

Selain itu, aplikasi ini turut menunjukkan keberkesanan sebagai alat bantu PdP yang menyokong pembelajaran sendiri, menyediakan akses mudah kepada bahan rujukan sahah, dan menggalakkan penggunaan teknologi secara beretika dalam pendidikan Islam. Tahap kepuasan pengguna yang tinggi menunjukkan penerimaan positif terhadap pendekatan ini dalam kalangan pelajar.

### 7.2 Cadangan

1. Peluasan penggunaan aplikasi: Kajian ini mencadangkan supaya aplikasi *Mai-Solat* diperluas penggunaannya ke institusi lain seperti politeknik Malaysia dan kolej-kolej vokasional yang menawarkan kursus Pengajian Islam, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan lain-lain lagi.
2. Penambahbaikan kandungan: Aplikasi ini boleh diperkayakan lagi dengan memasukkan video interaktif, kuiz penilaian sendiri, panduan solat lain seperti solat jenazah dan solat sunat sebagai nilai tambah serta disediakan dalam dwi-bahasa.
3. Integrasi dengan sistem e-Pembelajaran institusi: Aplikasi ini juga boleh diintegrasikan ke dalam platform e-pembelajaran institusi seperti CIDOS atau Moodle bagi menjadikannya sebahagian daripada ekosistem PdP formal.

## Rujukan

- Abdul Rahman, A., Ahmad, N., & Syed, Z. (2021). *The Effectiveness of Mobile Applications In Enhancing Religious Practices Among Students*. *Journal of Islamic Education*, 12(3), 45-58.
- Al-Khalifa, H. S., & Al-Ghamdi, R. (2019). *Effectiveness of Mobile Applications In Enhancing Religious Education*. *Journal of Educational Technology & Society*, 22(3), 33-45.
- Aziz, Z., Hamid, A., & Rahman, M. (2020). *The Impact of e-Learning on Islamic Education*. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 5(1), 25-36.
- Djazilan, M. S., & Hariani, M. (2022). *Implementation of e-Learning-Based Islamic Religious Education*. *Bulletin of Science, Technology and Society*. Retrieved from <https://inti.ejournalmeta.com/index.php/inti/article/view/12>
- Haidir, H., Arizki, M., & Fariz, M. (2021). *An Innovation of Islamic Religious Education In The Era of The Industrial Revolution 4.0 In Elementary School*. *Jurnal Pendidikan Islam*. Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/d7af/31399755fdcf774d71759a157fd8c5da99d5.pdf>

- Hashim, R. (2021). *Integration of Technology In Religious Education: Challenges and Opportunities*. *International Journal of Islamic Educational Development*, 7(4), 82-94.
- Hoerudin, C. W., & Syafruddin, S. (2023). E-Learning as a learning media innovation in Islamic education. *QALAMUNA*. Retrieved from: <https://ejournal.insuriponorogo.ac.id/index.php/qalamuna/article/view/4466>
- Ismail, M., & Ahmad, A. (2020). Ensuring Authenticity In Islamic Education Resources: A Critical Review. *International Journal of Islamic Studies*, 8(2), 123-137.
- Mai-Solat KiKHb Kebangsaan. (2023). *Laporan Projek HB KIK 2023: Inovasi Penyampaian Perkhidmatan*. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.
- Noor, N. A. M., & Fadzil, M. H. (2018). *Ensuring Authentic Resources In Islamic Education: A Qualitative Study*. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 11(2), 290-305.
- Sartika, F., Ritonga, M., & Rasyid, A. (2020). *Implementation of Islamic Religious Education In Madrasah Ibtidaiyah During Covid-19 Pandemic*. *Journal of Islamic Education*. Retrieved from [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=3813602](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3813602)
- Taufik, M. (2020). *Strategic Role Of Islamic Religious Education In Strengthening Character Education In The Era Of Industrial Revolution 4.0*. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*. Retrieved from <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/islamfutura/article/view/5797>